

## PENGAJIAN UMUM DAN KEPERLUAN SEKTOR SWASTA\*

(*General Studies and the Needs in Private Sectors*)

Barjoyai Bardai

### ABSTRAK

*Falsafah pengajian umum di universiti menekankan pendekatan yang cuba untuk mengintegrasikan dan merangkumkan ilmu dan pengetahuan pelajar yang selama ini telah di petak-petakan dalam disiplin pendidikan mengikut jurusan masing-masing. Usaha mengintegrasikan ilmu ini adalah amat penting untuk membawa semula bakal siswazah ke alam nyata di mana tidak ada batas disiplin dan ilmu wujud. Sebelum siswazah ini keluar dan terdedah kepada dunia nyata yang akan dirasai berkecamuk disebabkan rojakan ilmu, mereka perlu diorientasikan semua dan didekah dengan hakikat bahawa mereka perlu mengintegrasikan ilmu mereka dengan ilmu lain bagi menjadikannya kelihatan lengkap dan kemas. Dua cara untuk mengintegrasikan ilmu ini ialah melalui kaedah berfikir dan disiplin hidup. Kaedah berfikir yang selama ini disogokkan kepada pelajar yang berteraskan ‘lojik kaku’ adalah tidak sesuai dan amat janggal di dalam dunia nyata. Ia menjadikan para siswazah kaku pada peringkat awal kerjaya mereka di dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Pemikiran kreatif perlu diterapkan dalam minda setiap pelajar sebagai penggenap kepada pemikiran lojik yang sudah cukup kukuh untuk membolehkan mereka bersikap dan berfikiran lebih ‘fleksibel’ dan bertoleransi. Ini akan menjadi asas terhadap sikap positif dan berwawasan yang amat diperlukan oleh setiap siswazah. Pemikiran kreatif juga merupakan asas yang amat penting di dalam ‘K-Economy’ di mana ‘idea’ dan ‘harta intelektual’ menjadi fokus kekayaan. ‘Disiplin hidup’ berbeza dengan ‘disiplin pengajian’. Berdasarkan ‘disiplin pengajian’, seseorang itu akan menjurus dalam satu cabang ilmu yang khusus dengan matlamat untuk mendalami ilmu yang tertentu. Manakala ‘disiplin hidup’ pula, seseorang itu akan menyediakan diri untuk melengkapkan ilmu bagi membolehkan mereka hidup dengan cukup berkesan. Disiplin hidup pada masa lepas dikaitkan dengan profesyen yang tertentu seperti doktor, peguam, aktauntan, jurutera, arkitek dan sebagainya. Disiplin hidup sebegini didapati masih terlalu terkongkong sehingga menjadikan ahli profesional terus melihat dunia melalui teropong profesyonnya sahaja tanpa memikirkan profesyen yang lain. Disiplin hidup baru yang dilihat lebih menyeluruh ialah disiplin ‘keusahawanan’. Walaupun pada masa lepas usahawan ditakrifkan hanya sebagai peniaga, namun definisi ini telah berkembang. Kini usahawan didefinisikan oleh Dr. Peter Drucker contohnya sebagai ‘sesiapa sahaja yang berjaya mewujudkan nilai tambah ke dalam ekonomi’. Ini menjadikan setiap insan sebagai potensi usahawan. Jika dikaitkan dengan Islam, kita percaya bahawa setiap kita dilahirkan ke dunia sebagai Khalifah dan pemegang amanah. Tugas kita ialah untuk membuat sumbangan dengan mewujudkan nilai tambah kepada ummah. Ini menjadikan setiap kita sebagai usahawan. Sekiranya ikhlas melaksanakan tugas sebagai Khalifah dan pemegang amanah serta menganggap ia sebagai penyerahan kepada Allah s.w.t. semata-mata, secara tidak tangsung kita bergelar ‘usahawan mujahid’. Sektor swasta memerlukan bakal tenaga kerja yang berfikiran luas, terbuka dan menyeluruh. Bakal tenaga kerja di abad 21 perlulah seorang yang lengkap bukan sahaja dari segi kepakaran tetapi juga dari segi sikap dan pemikiran. Mereka perlulah menjadi sumber bukan sahaja untuk tenaga kerja dan kepakaran tetap, juga idea dan harta intelektual yang akan menjadi sumber kekayaan penting perniagaan di abad baru ini. Pastinya jika Program Pengajian Umum dapat melengkapkan bakal graduan dengan sikap dan asas pemikiran yang dibentangkan di atas, mereka dengan mudah akan dapat menepati keperluan industri dan bakal majikan mereka.*

*Kata kunci:* pengajian umum; sektor swasta; kemahiran berfikir; disiplin ilmu

\* Artikel ini diterbitkan semula dari Abdul Latif Samian & Mohamad Sabri Haron (2000), *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajian Umum di Alaf Baru*, UKM Bangi: Pusat Pengajian Umum.

## ABSTRACT

*The philosophy of general studies in university emphasizes approaches that attempt to integrate and incorporate students' existing knowledge which has been mapped based on their respective academic disciplines. The integration of this knowledge is pivotal to the graduates so as to inculcate an understanding that academic disciplines and knowledge are boundless and unlimited. Owing to the diversities of knowledge the real world presents, the graduates need to be reoriented and exposed to the practice of integrating their existing knowledge with other disciplines of knowledge in order to make it look complete and skillful.*

*Keywords:* general studies; private sector; thinking skills; discipline of knowledge.

## PENDAHULUAN

Matlamat pendidikan liberal sememangnya telah menjadi cita cita murni universiti sejak penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia di tahun 1970 lagi. Pendidikan liberal di sini ditakrifkan sebagai program pendidikan yang mendedahkan ilmu pendidikan umum seperti kemahiran berkomunikasi, ketrampilan berfikir serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas batas disiplin ilmu seperti seni, falsafah dan bahasa asing. Konsep pendidikan liberal ini selalu disalah ertikan dan disamakan dengan konsep pendidikan liberal seumpama program pengajian di universiti seperti di U.S.A. yang membenarkan pelajar mengambil kursus bukan akademik seperti sukan-renang, tenis, golf atau kemahiran hidup seperti membuat tembikar, menjahit, memahat, memasak dan lain lain. Ini tidaklah bermakna kursus liberal sebegitu tidak ada kewajarannya. Sebenarnya, jika ia dikendalikan dengan cukup berkesan iaitu mengembangkan aspek teori, kemahiran dan perkembangan ilmu kursus di atas pun, boleh dianggap sebagai kursus pendidikan umum yang baik.

Namun, lebih unggul dari objektif di atas, program pengajian umum di Universiti Kebangsaan Malaysia dikatakan bermatlamat untuk membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup di dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai murni, sejarah dan tanggung jawab dalam masyarakat, kemahiran tentang analisa kuantitatif dan teknik berkomunikasi, penghayatan ciri-ciri kesenian dan kebudayaan serta kemampuan menggunakan masa senggang secara produktif. Pastinya matlamat ini amat jelas dan murni sekali. Persoalannya ialah apakah program atau kandungan serta liputan yang perlu untuk dipenuhi bagi mencapai matlamat di atas dan apakah matlamat di atas sememangnya diperlukan atau mencukupi keperluan para majikan di sektor awam dan swasta. Mungkin lebih penting dari itu apakah matlamat di atas dapat menjadikan setiap graduan hidup berdikari dan mempunyai ilmu dan pengetahuan yang lengkap untuk hidup?


## PERKEMBANGAN DUNIA PERNIAGAAN DAN ALAM KEHIDUPAN DI ABAD KE 21

Abad 21 menyaksikan banyak perubahan yang besar dan drastik di dalam cara hidup, sistem ekonomi dan perniagaan. Perubahan ini dengan cepat menusuk ke seluruh aspek kehidupan secara khususnya disebabkan perkembangan dunia teknologi maklumat yang amat pesat. Contohnya kehidupan secara beransur-ansur menjadi lebih maya (virtual) menjadikan banyak aktiviti keluarga, ekonomi dan perniagaan berubah. Fokus kehidupan, keperluan kemahiran, gaya hidup dan profesyen diri telah juga turut berubah menjadikan sesetengah kemahiran, profesyen dan kerjaya menjadi berbeza dari asalnya. Ini memerlukan perubahan yang drastik juga di dalam sistem pendidikan dan persediaan diri untuk menjalani kehidupan zaman hadapan. Mari kita cuba selami sebahagian dari perubahan-drastik ini.

### UKURAN KECEMERLANGAN DAN GAYA PENGURUSAN

Tidak kira apa juga disiplin pengajian yang kita ikuti, akhirnya matlamat sistem pendidikan ialah untuk menjadikan setiap kita sebagai pengurus yang baik dan cekap sama ada di dalam bidang perniagaan, sektor awam, profesyen yang tertentu mahu pun untuk kehidupan menyeluruh. Sejak dari bangku sekolah kita dididik untuk memupuk beberapa bakat khusus seperti kebolehan membuat keputusan, kebolehan untuk bertindak balas dan kebolehan untuk mengurus secara umum.

Ukuran kecemerlangan dan gaya pengurusan lama menekankan kebolehan membuat keputusan dengan cepat dan berkesan serta kebolehan bertindak balas berasaskan kepada sesuatu situasi yang sedang di hadapi. Inilah yang disogokkan di dalam sistem pendidikan sama ada secara tidak formal atau pun secara khusus di dalam mata pelajaran dan kursus yang di ajar. Di dalam menentukan kecemerlangan perkhidmatan pun, ukuran lama tersebut ialah untuk melihat keberkesanan di dalam mengurus masalah dan mengurus situasi genting. Ini sebenarnya secara tidak langsung menekankan satu tradisi pengurusan yang selalu digelarkan sebagai ‘gaya pemadam api’ (*fire-fighter*). Pengurus yang baik ialah pengurus yang cekap memadam api dan menangani situasi genting kebakaran.



Nota: Rajah di atas di petik dan di padankan dari buku karangan Dr. Joel Barket, bertajuk *Paradigm* (1994). Buku ini mendedahkan paradigma baru pengurusan dan perlunjuran perubahan gaya pengurusan dan perkembangan perniagaan di abad 21.

Pengkaji ilmu pengurusan telah mengkaji gaya pengurusan lama ini dan mendapatinya amat lemah kerana ia menjadikan pengurus dan pasukan pengurusannya terlalu pasif. Mereka hanya duduk menunggu masalah untuk diselesaikan dan menunggu situasi yang genting wujud untuk dapat ditanggani. Kesan besarnya ialah organisasi dan perniagaan yang dikendalikan oleh pengurus menggunakan gaya lama pengurusan ini akan menjadi kaku dan tidak dinamik. Organisasi ini akan hanya bergerak bila ada masalah. Jika hanya masalah kecil yang dapat diatasi oleh pengurus di dalam syarikat, maka tidaklah nampak apa-apa kemajuan di dalam organisasi. Hanya apabila organisasi dapat menyelesaikan masalah besar barulah nampak organisasi atau perniagaan ini bergerak ke hadapan. Malangnya pada kebiasaan pengurus organisasi dan perniagaan tidak akan bermotivasi untuk menyelesaikan masalah besar di dalam organisasinya disebabkan ia memakan masa yang banyak, tenaga yang besar dan memerlukan tumpuan yang lebih mendalam. Pengurus yang cuba menyelesaikan masalah besar di dalam organisasi tidak akan dilihat sebagai pengurus yang cekap kerana keputusan yang dibuat adalah lambat dan hasil penyelesaian masalahnya juga lambat.

Pengkaji ilmu pengurusan di abad baru telah merumuskan bahawa hari ini organisasi dan perniagaan memerlukan satu paradigma dan gaya pengurusan yang baru. Ini akan menekankan kemahiran baru untuk terus menerus menjadi pro-aktif di dalam pengurusan. Kemahiran ini di panggil sebagai kemahiran untuk ‘menjangka’ atau ‘to anticipate’. Untuk mempunyai kemahiran ‘menjangka’, setiap pengurus di alaf baru ini perlu sentiasa menelah masa hadapan berdasarkan kepada apa yang dilihatnya di masa lepas dan di masa kini. Mereka perlu sentiasa memerhatikan arah atau trend bagi menjangkau apa yang akan terjadi di masa hadapan. Seorang pengurus abad baru ini mesti mempunyai wawasan yang jauh yang membolehkannya melihat dirinya berpuluhan tahun ke hadapan berdasarkan kepada impian dan realiti masa kini. Mereka perlu sentiasa mencari peluang kerana peluang akan membawanya dengan lebih cepat ke hadapan. Mereka juga perlu sentiasa menjangkau kemungkinan masalah di masa hadapan. Daripada menunggu masalah yang mendatang, adalah lebih baik mereka cuba mengkaji masalah yang di jangkakan akan wujud dan cuba mengelakkan masalah dari berlaku.

Andaian pokoknya di sini ialah disebabkan perkembangan ekonomi, perniagaan dan teknologi yang terlalu pesat, pengurus tidak akan sempat untuk bertindak menunggu masalah dan menyelesaikan semua masalah untuk bergerak maju. Ini boleh dibayangkan seperti seorang yang memandu pada kadar kelajuan 500 km. sejam. Disebabkan kadar kelajuan yang terlalu deras ini menyebabkan pemandu tidak sempat untuk mencari-cari simpang dan papan tanda untuk menentukan bila hendak membobelok dan masuk ke persimpangan. Pemandu perlu bersedia sebelum mula memandu dengan satu rancangan dan pelan tindakan yang memandunya untuk menentukan selekoh, persimpangan, lampu isyarat dan lain-lain bentuk halangan di jalan raya. Selalu kita dengar ungkapan yang mengatakan bahawa ‘masa depan adalah ditentukan oleh kita sendiri’. Sebenarnya maksud kenyataan ini ialah kita akan mewujudkan satu wawasan masa hadapan kita. Kemudian kita akan merancang secara strategik bagaimana untuk mencapai wawasan ini. Kemudian kita dengan penuh tekad melaksanakan wawasan ini sehingga tercapai. Jadi, kesan akhirnya ialah masa depan tadi ditentukan oleh dirinya sendiri, berbanding dengan seorang yang pasif yang membenarkan dirinya dilanda dengan ombak dan dipukul badai yang akhirnya sampai ke satu destinasi yang tidak pernah di duganya.

## PERUBAHAN DRASTIK DI DALAM DEFINISI DAN KONSEP USAHAWAN DI ABAD 21

### DEFINISI USAHAWAN

Definisi kuno usahawan dari dunia barat ialah ‘sesiapa yang mengendalikan perniagaan persendirian dianggap sebagai usahawan’. Definisi ini walau pun popular di U.S.A dan Perancis sedikit masa lalu, kini sudah mula pudar. Definisi di atas tidak cuba membezakan di antara peniaga dan usahawan. Inilah asas definisi yang telah kita terima di Malaysia. Program keusahawanan di Malaysia secara khususnya disasarkan kepada peniaga kecil kerana kebetulan kaum bumiputra lebih banyak terlibat di dalam perniagaan kecil dan sederhana. Oleh kerana penggunaannya yang amat longgar kepada setiap peniaga menyebabkan ia telah

disalah tafsir. Di satu pihak, pengkaji di dalam bidang keusahawanan menonjolkan keunggulan makhluk usahawan ini dengan sikap, pemikiran dan tingkahlaku yang cemerlang dan terkehadapan. Di pihak yang lain ditonjolkan pula melalui media dan program keusahawanan kumpulan usahawan ini adalah terdiri dari kumpulan peniaga kecil dan sederhana yang dilihat sentiasa mengharap dan bergantung kepada institusi kerajaan untuk membantu mereka bergiat di dalam perniagaan mereka. Ini merendahkan taraf golongan usahawan ini.

Tiga tahun yang lepas Dr. Peter Drucker, yang dianggap pakar di dalam bidang pengurusan oleh dunia barat telah mencadangkan sebuah definisi baru untuk keusahawanan. Beliau mendefinisikan usahawan sebagai ‘sesiapa sahaja yang berjaya memindahkan sumber ekonomi dari sektor yang kurang produktif kepada sektor yang lebih produktif’. Definisi ini amat luas dan meliputi lebih banyak pihak termasuk pengurus di sektor awam dan swasta. Definisi di atas selanjutnya diperincikan oleh seorang lagi pakar pengurusan barat Dr. Joel Barker di dalam bukunya Paradigm. Dr. Barker mendefinisikan usahawan sebagai ‘sesiapa sahaja yang berjaya mewujudkan nilai tambah ke dalam sebuah ekonomi’. Ini bermakna bahawa sesiapa sahaja yang berjaya mewujudkan nilai faedah kepada masyarakat sekitarnya adalah dianggap sebagai usahawan tanpa mengira sama ada beliau adalah seorang peniaga, pengurus, pekerja, guru, imam, pendakwah, tukang kebun mahu pun surirumah. Definisi ini sebenarnya adalah lebih luas dan menyeluruh serta menepati istilah dan konsep ‘enterprising’ yang membayangkan sikap lebih dan pada ‘tugas’ atau ‘jawatan’. Inilah sebenarnya definisi yang paling dekat dan menghalakan kita kepada konsep dan falsafah usahawan dan keusahawanan itu.

#### KONSEP USAHAWAN ISLAM DAN USAHAWAN MUJAHID

Definisi usahawan yang dikemukakan oleh Dr. Joel Barker di atas sebenarnya dengan mudah dapat diterapkan dengan konsep ‘Tauhid’ dan peranan umat manusia sebagai khalifah dan pemegang amanah kepada harta Allah s.w.t. Umat manusia adalah pemegang amanah kepada semua harta Allah s.w.t. di atas muka bumi ini. Sebagai pemegang amanah, tanggungjawab kita semua ialah untuk menguruskan harta Allah ini demi mewujudkan kesejahteraan ummah seluruhnya. Kesejahteraan ummah ini akan dapat diwujudkan dengan cara mewujudkan ‘nilai tambah’ ke dalam ekonomi. Jika setiap kita berusaha untuk mewujudkan nilai tambah ke dalam ekonomi dengan niat sepenuhnya sebagai satu proses pengabdian di dalam melaksanakan tugas sebagai pemegang amanah tadi, kita semua bolehlah digelar sebagai para mujahid. Ini menjadikan kita semua usahawan di mata para ahli ekonomi konvensional sementara di masa yang sama menjadikan kita mujahid di sisi Allah s.w.t. Jadi kesimpulannya kita bolehlah mengelarkan diri kita sebagai para ‘Usahawan Mujahid’.

#### USAHAWAN - ANTARA SIKAP, PEMIKIRAN DAN KEMAHIRAN

Siapakah makhluk usahawan ini dan apakah sifatnya?. Perlukah makhluk usahawan ini mempunyai sifat yang tertentu seperti yang ditonjolkan oleh Dr. Steven Covey di dalam bukunya ‘The Seven Habits’?. Perlukah makhluk usahawan ini mempunyai pemikiran yang

berbeza berbanding dengan golongan masyarakat biasa seperti yang ditonjolkan oleh Dr. Joel Barker dan Dr. Edward De Bono?. Perlukah seorang usahawan itu mempunyai kemahiran yang lengkap di dalam perniagaan seperti kewangan, pemasaran, pengurusan sumber manusia dan pengurusan organisasi seperti yang selalu digembur-gemburkan oleh pakar pengurusan?. Sebenarnya tiada jawapan bagi semua soalan di atas kerana setiap kumpulan mempunyai minatnya sendiri dan cuba memperjuangkan arah pemikiran mereka dengan menekankan kepentingan sesuatu aspek yang diminatinya.

#### SIKAP DAN SIFAT USAHAWAN

Pastinya sifat dan tabiat yang tertentu adalah penting untuk mewujudkan sebuah disiplin hidup yang berjaya. Disiplin hidup atau ‘habits’ ini sebenarnya adalah penghasilan satu cara hidup yang agak unggul yang membezakan di antara golongan biasa dengan para usahawan yang berjaya. Sifat dan sikap ini semestinya merupakan sikap dan sifat yang luhur dan mulia yang menjana kecemerlangan diri. Ia merupakan satu kumpulan sikap dan sifat yang sejagat dan diiktiraf sebagai amat mulia dan unggul. Ia pastinya selari dengan sifat dan sikap mulia yang dianjurkan di dalam Islam seperti kejujuran, mementingkan pengurusan masa, ketekunan, keyakinan diri, keberanian menanggung risiko, ketelitian, rendah diri dan memuliakan orang lain, kesanggupan menilai diri sendiri dan berbagai lagi sikap dan sifat mulia. Persoalannya ialah bagaimanakah sifat dan sikap ini dapat dipupuk? Jawapannya mungkin tidak mudah. Namun sebagai pedomannya, jika setiap kita sentiasa berpegang kepada prinsip ‘Tauhid’ di dalam hidup, melihat peranan kita sebagai khalifah dan pemegang amanah di muka bumi ini serta menyedari bahawa kita sepanjang masa diawasi oleh Pencipta kita Allah s.w.t., kita akan melakukan segalanya di dalam hidup ini sebagai satu proses pengabdian dan penyerahan kepada Allah. Kita akan menyedari bahawa semua anugerah Allah s.w.t. di dalam bentuk harta, kuasa, masa, jawatan dan ilmu kemahiran adalah amanah yang perlu diuruskan dengan cekap dan sempurna. Pastinya sebagai pemegang amanah kita akan berusaha untuk menguruskan amanah Allah sw.t ini dengan cukup cemerlang dan di dalam proses ini menuniukkan sikap dan sifat yang cemerlang di dalam diri kita sebagai usaha penyerahan diri.

#### PEMIKIRAN USAHAWAN

Usahawan dikatakan mempunyai gaya dan arah pemikiran yang berbeza dengan masyarakat biasa menjadikannya terserlah sebagai pemimpin di dalam industri dan ekonomi. Apakah dia arah pemikiran usahawan yang berbeza ini?. Kebanyakan kita telah disogokkan dengan asas pemikiran logik yang keterlaluan dari sejak kita lahir sehingga kita keluar dari institusi pengajian tinggi. Pemikiran logik dijadikan sebagai tunggak asas pemikiran di dalam sistem pendidikan sehingga kita semua menjadi terlalu amat taksub dengan asas logik ini dan menganggapnya sebagai asas pemikiran yang amat sempurna. Di masa yang sama, kita didehadkan dengan asas pemikiran logik yang lebih sempurna yang mengabungkan asas pemikiran logik dan ilmu ghaib. Hakikatnya adalah asas pemikiran selain dari logik adalah sama penting dan perlu diimbangi untuk menjadikan kita semua insan yang sempurna.

Asas pemikiran ‘kreatif’ - satu label pemikiran yang berbeza dari logik telah dikemukakan sebagai penggenap kepada asas pemikiran logik. Pengkaji ilmu keusahawanan dan perniagaan menjumpai dari kajian mereka bahawa asas pemikiran kreatif telah menyumbang kepada kewujudan idea baru yang menjadi asas kepada kejayaan penting di dalam perniagaan. Idea baru didefinisikan sebagai apa juga ‘perubahan’ dan ‘pembaharuan’ yang diwujudkan yang berbeza dari yang sedia ada. Prinsip yang selalu ditekankan ialah kita sepanjang masa perlu membuat perubahan di dalam persekitaran kita untuk merangsang diri kita untuk maju kehadapan. Di dalam sesetengah tradisi, konsep mewujudkan perubahan ini telah dianggap sebagai satu budaya hidup. Di dalam masyarakat pekerja dan pengurusan Jepun konsep “Keisan” atau pembaharuan berterusan telah diamalkan sebagai budaya kerja. Ini mewajibkan setiap orang di dalam organisasi untuk melakukan perubahan dan pemberian di dalam sistem, cara kerja, peralatan dan proses. Di dalam masyarakat Greek lama, konsep ‘haloba kepada perubahan’ menjadi satu cara hidup. Setiap warga masyarakat akan berlumba-lumba membuat perubahan walaupun perubahan tersebut akan dilihat sebagai sesuatu yang janggal dan tidak berfaedah pada awalnya.

Asas pemikiran kreatif adalah menekankan perubahan positif sebagai asas kemajuan hidup. Setiap orang digalakan untuk membuat perubahan atau pembaharuan bagi menjadikan mereka terkehadapan dari orang lain. Inilah yang membezakan di antara ahli masyarakat biasa dengan seorang usahawan. Seorang usahawan akan sentiasa terkehadapan berbanding dengan peniaga lain di dalam industri atau kumpulan yang sama yang menjadikannya kelihatan berbeza dan terunggul. Di dalam perniagaan, konsep ‘niche’ atau ‘perbezaan positif’ selalu ditekankan sebagai asas kejayaan. Seorang peniaga perlulah mewujudkan perbezaan positif di dalam perniagaannya walaupun perniagaannya adalah sama dengan perniagaan biasa seperti rakan niaganya yang lain. Ini menjadikannya kelihatan lebih baik dan mudah diingat oleh pelanggannya untuk mendapatkan jualan dan berulang pelanggan. Perbezaan positif ini tidak semestinya besar tetapi ia mestilah nyata dan dilihat sebagai sesuatu yang istimewa oleh bakal pelanggannya.

#### ASAS KEMAHIRAN PERNIAGAAN DAN USAHAWAN

Kemahiran perniagaan iaitu pengetahuan tentang ilmu mengurus perniagaan juga dikatakan sebagai asas resepi kejayaan perniagaan. Ilmu kewangan dikatakan sebagai tunggang pengurusan yang dapat membimbang usahawan di dalam mengurus perniagaan seperti kemahiran membaca peta dan menggunakan kompas kepada seorang pengembara. Kemahiran pemasaran pula dianggap sebagai tunjang kepada kemahiran pengurusan. Kemahiran pemasaran memaksa pengusaha atau usahawan untuk melihat perspektif pemasaran di dalam setiap langkah dan aktiviti perniagaannya. Ia menekankan kepentingan pelanggan dan pasaran di dalam setiap pertimbangan perniagaan dari kos, kualiti, harga, perkhidmatan dan tindak tanduk perniaga. Kemahiran pengurusan lain dilihat amat penting sebagai penggenap kepada sikap dan sifat yang positif serta pemikiran yang kreatif. Sesetengah pengkaji amat menekankan kemahiran pengurusan ini sehingga mereka menganjurkan supaya setiap bakal usahawan dibekalkan dahulu dengan kemahiran pengurusan ini bagi menyediakan diri mereka dengan alam perniagaan dan keusahawanan. Andaianya ialah selepas bakal usahawan ini

menghayati kemahiran pengurusan ini dengan sendirinya akan memupuk bakat keusahawanan.

Ada juga kalangan pengkaji yang merumuskan bahawa pengetahuan pengurusan sahaja tidak memadai untuk membolehkan seorang bakal usahawan itu berjaya di dalam perniagaannya. Ini ialah kerana ilmu pengurusan hanya dianggap sebagai kerangka di dalam perniagaan. Kerangka sahaja tidak memadai dan kita memerlukan isi yang padu. Isi atau hasil sebenar yang diharapkan di sini ialah kepakaran khusus di dalam sesuatu bidang teknikal dan professional seperti kemahiran perkilangan, kejuruteraan dan seumpamanya. Aliran pemikiran ini menekankan keperluan memberi pendedahan teknikal kepada usahawan di datam bidang yang ingin diceburinya. Contohnya, usahawan yang ingin memasuki bidang kontrak, perlu mengikuti kursus teknikal kontraktor termasuk kursus asas pembinaan, asas reka bentuk, asas kejuruteraan binaan, asas pengurusan kontrak dan asas pengurusan kos tender. Ini telah meluaskan skop dan keperluan latihan usahawan menjadikannya satu usaha yang terkadang dilihat mustahil untuk dilaksanakan. Apatah lagi jika memikirkan bakal usahawan yang serba kurang di dalam persediaan diri sebelum menceburkan diri di dalam perniagaan.

#### PERUBAHAN KEPERLUAN CARA HIDUP DAN KEMAHIRAN HIDUP

##### SENARIO EKONOMI DI ABAD 21 - GLOBALISASI DAN ALAM MAYA - SATU GAMBARAN UMUM

Belumpun masalah latihan keusahawanan di atas dapat diselesaikan wujud pula satu perubahan persekitaran yang telah merubah segala bentuk paradigma di dalam pengurusan dan perniagaan. Perubahan ini mewujudkan keperluan baru didalam diri setiap peniaga dan bakal usahawan yang ingin menceburi perniagaan di abad baru ini. Ini menjadikan sesetengah kemahiran perniagaan yang sedia ada menjadi luar guna secara tiba-tiba. Ia memerlukan perubahan paradigma di dalam pengurusan dan perniagaan.

Ekonomi dunia dijangka akan berubah dengan pesat dari segi strukturnya sehingga boleh menggugat perkembangan sesetengah negara yang jauh ketinggalan. Perubahan ini yang sudah bermula sejak beberapa tahun lalu menjadi bertambah jelas dan menunjukkan kesannya keatas beberapa buah ekonomi dunia khususnya di negara maju. Seperti di masa lepas, gelombang perubahan ini dilihat bermula dari barat - dari negara yang dianggap sebagai negara maju dan secara beransur-ansur masuk dan menerokai negara membangun. Apakah bentuk ekonomi baru di abad dua puluh satu ini?. Bagaimanakah ia akan memberi kesan kepada negara membangun seperti Malaysia?. Mari kita cuba bincangkannya sebagai satu asas menjangkau perkembangan ekonomi abad dua puluh satu itu nanti.

Apakah yang akan memandu ekonomi di abad dua puluh satu nanti?. Dikatakan bahawa abad hadapan ini akan terus dipandu oleh revolusi maklumat yang akan terus meningkatkan daya pengeluaran di seluruh aspek ekonomi. Industri yang dijangka akan berubah dengan pesat kesan darinya ialah industri yang bergantung kepada maklumat seperti kewangan, media, pemborongan dan peruncitan. Teknologi baru yang termasuk

‘Biotechnology’ dan ‘Micro-electromechanical System’ (MEMS) akan membolehkan alat pengesanan kecil (sensor), motor dan pump dibina ke dalam ‘Microprocessor’ yang akan memberikan kesan besar ke atas industri pengangkutan, pemprosesan makanan dan peralatan rumah. Ini akan mewujudkan industri yang baru yang berkembang dengan pesat di dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

Globalisasi yang semakin meluas akan mewujudkan pasaran yang berkembang pesat dan pertandingan yang sangat sengit dari luar. Kesannya ialah syarikat akan terpaksa terus menerus menginovasikan keluaran, barang dan perkhidmatan di dalam usaha untuk mewujudkan kelainan (niche) dan untuk mengurangkan kos bagi membolehkan mereka bertanding di pasaran yang sengit. Apakah kesannya semua ini kepada dekad pertama di abad dua puluh satu nanti? Ekonomi akan berkembang pesat diterajui oleh perkembangan teknologi. Negara yang menggalakan inovasi, perdagangan bebas dan sistem kewangan terbuka akan mempunyai ‘competitive edge’ sehingga mereka akan berasa selesa bertanding di pasaran global yang luas. Ini akan menjadikan mereka ‘world players’ yang sebenar. Perniagaan yang dengan cepat menguasai teknologi dan mengikuti atau mendahului teknologi akan meraih keuntungan yang lebih besar serta sentiasa bersedia menghadapi globalisasi dunia yang mencabar.

Ini dijangka akan menjelaskan pula beberapa aspek penting di dalam ekonomi. Guna tenaga dan sumber manusia terpaksa mengikuti perubahan teknologi yang pesat dan sentiasa bersedia untuk diadaptasikan. Golongan yang lambat berubah atau enggan mengikut perubahan akan berakhir menjadi penganggur dan akan secara beransur-ansur meminggir menjadi pemerhati di dalam dunia yang berkembang pesat ini. Kejutan teknologi akan menyebabkan ekonomi akan berkembang dengan deras dan turun naik dengan serius. Ini akan menyebabkan pusingan ekonomi dilihat lebih cepat berlakunya sehingga amat susah untuk dirancang dan diawasi.

Sebenarnya gambaran di atas bukanlah satu ramalan lagi. Ia sudah menjadi satu kenyataan. Pakar ekonomi dunia sudah terpaksa mengakuinya. Alan Greenspan, Pengurus Federal Reserve di USA di dalam testimoninya menyatakan bahawa “beliau kini yakin bahawa pelaburan yang besar di dalam teknologi akan membolehkan ekonomi berkembang dengan pesat dan lebih lama tempoh perkembanganya dengan menurunkan risiko perwujudan inflasi”. Beliau percaya bahawa ekonomi yang berteraskan teknologi tinggi akan menjadi pencegah semula jadi inflasi dunia. Daya pengeluaran yang dihasilkan dari pelaburan di dalam komputer dan teknologi lain penjimat tenaga buruh telah membangun ekonomi dengan cukup pesat pada kadar yang tidak pernah berlaku di dunia. Globalisasi dan pembangunan teknologi ini telah membolehkan syarikat mengubah dan memindahkan pengeluar ke seluruh dunia. Ini akan menyebarkan kegiatan ekonomi keseluruh dunia dan mengelakkan berlakunya inflasi di sebabkan ketegangan kapasiti yang wujud di mana-mana juga negara di dunia. Guna tenaga juga akan menjadi sentiasa ‘bersedia’ sehingga sanggup menerima pampasan berasas pada prestasi bagi memastikan kerjaya mereka terjamin.

Cuba kita lihat apakah pembaharuan asas di dalam teknologi yang boleh diharapkan menerokai dunia dengan cepat. Di dalam bidang ‘bio-technology’ misalnya perkembangan di dalam kajian genetics dan bidang biologi yang lain akan mewujudkan inovasi baru yang tidak pernah dijangka. Di dalam bidang pertanian misalnya contoh inovasi ialah di mana baka ikan akan diperbaiki sehingga ikan seperti Salmon dan Trout akan berkembang dengan lebih cepat bagi mempergandakan bekalannya. Perubahan ini juga akan dilakukan kepada ikan laut sehingga sumber protein laut akan menjadi lebih besar dan berkembang dengan pesat. Tanaman seperti kacang soya, jagung, kapas dan lain-lain tanaman akan diolah sehingga ia akan dapat mempertahankan diri dari serangan serangga tanpa menggunakan racun serangga lagi. Tanaman seperti jagung, padi dan terigu akan diolah sehingga ia akan mengandungi kandungan zat yang lebih baik dan lebih banyak. Lembu dan kambing akan diolah sehingga ia dapat mewujudkan sesuatu jenis ubat (drug) di dalam susunya bagi membolehkan ia diproses dan digunakan untuk sesuatu kaedah perubatan.

Di dalam bidang perubatan, bakteria akan diotah untuk digunakan bagi melakukan tugas tertentu dari memakan sisa buangan - sampah. toxic, sisa minyak sehingga apa juga yang tidak dipertukarkan oleh manusia. ‘Genes’ akan diolah untuk secara semula jadi menghapuskan sel penyakit cancer. Vaksin (vaccines) akan diwujudkan untuk mencari dan membunuh ‘tumor’ yang ada di dalam otak atau bahagian di dalam badan. Satu jenis hormon yang natural akan diwujudkan untuk mengembangkan saluran darah dan mengatasi masalah saluran darah yang tersekat dan dengan itu mencegah dan merawati penyakit jantung. Sejenis genes akan diwujudkan dan dimasukan ke dalam saturan darah untuk mengelakkan dari kerosakan urat saraf dan untuk merawat otak dari kecederaan. Di dalam industri. perkembangan sektor ‘bio-technology’ akan menolong mengganti barang-barang industri yang cuba dielakkan hari ini. Sejenis tumbuhan seperti pokok getah akan diwujudkan untuk mewujudkan bahan plastik yang boleh tuntut dan lusuh sendiri bila masa berlalu. Sistem komputer akan diwujudkan untuk mewujudkan penyimpanan maklumat mengenai DNA manusia.

Di dalam segala aspek kehidupan, perubahan pesat akan berlaku. Umpamanya konsep dan prinsip universiti akan berubah dengan pesat. Ini termasuk institusi penyelidikan lain juga yang terpaksa mengejar perkembangan teknologi yang pesat. Di universiti, ciri penting yang akan berlaku ialah terhakisnya batas disiplin. Universiti terpaksa menggalakkan sistem matriks di dalam pengajian, penyelidikan dan perbincangan ilmu. Universiti yang terus membendung ilmu mengikut disiplin akan tersisih sehingga mereka dianggap tidak wujud di alam realiti lagi. Pensyarah dan pelajar di dalam bidang sains komputer, kejuruteraan, biologi, perubatan dan perniagaan akan bekerja sebagai pasukan di dalam menimba ilmu, mengembeling ilmu dan mempraktikkan ilmu sebagai satu gugusan kekuatan ilmu baru.

Institusi pengajian tinggi akan terpaksa secara agresif melakukan proses pemindahan teknologi dan penjualan lesen teknologi serta di masa yang sama mencari sumber kewangan dari sektor perniagaan untuk menjalankan kegiatan penyelidikan bersama bag, menerokai teknologi baru dunia. Ini akan menjadikan sektor perniagaan sebagai rakan kongsi penting institusi pengajian tinggi di dunia. Penyelidikan asas sains akan menjadi asas penting inovasi

dunia. Universiti perlu terus menekankan kajian asas bagi menerokai sains sambil di masa yang sama mencari kegunaan hasil kajiannya bersama sektor perniagaan di dalam kajian aplikasi.

Institusi pengajian tinggi akan menjadi pusat keusahawanan yang penting. Bakal graduannya akan dididik dan diarahkan kepada mewujudkan bakal usahawan daripada bakal tenaga kerja disebabkan sektor tenaga kerja yang sangat terhad dan tidak mencabar lagi. Universiti akan bekerjasama dengan badan-badan kerajaan yang bertanggung jawab terhadap pembangunan keusahawanan serta institusi kewangan bagi secara khusus mewujudkan program pembangunan usahawan sebagai sebahagian dan kurikulum pengajian selain dari kaedah multidisiplin di dalam pengajian.

Profession pengurusan juga akan berubah dengan pesat. Jalinan dan hubungan akan menjadi asas penting perwujudan perniagaan Teknologi akan membolehkan hubungan yang lebih intim di antara peniaga dengan pelanggan, pembekal, rakan kongsi serta kakitangan di seluruh dunia tanpa keperluan membuat hubungan fizikal. Ini akan meningkatkan kecepatan berurusniaga dan daya pengeluaran aktiviti perniagaan. Perniagaan akan berpusat kepada pelanggan sehingga pelanggan akan menjadi asas pembentukan strategi. Pelanggan menjadi sangat prihatin tentang penggunaannya sehingga mereka tahu apa yang mereka perlu dan akan mengarah pasukan perniagaan untuk mengolah barang dan perkhidmatan mengikut selera mereka.

Perniagaan tidak lagi akan melabur secara besar-besaran di dalam harta fizikal. Sebaliknya mereka akan lebih banyak melabur di dalam harta intelektual dan keluaran generasi hadapan. Perniagaan juga akan menjadi lebih terbuka dan sanggup berkongsi untung dengan pembekal, pelanggan dan kakitangan di dalam ekuiti syarikat melalui ‘stock option’ dan lain-lain kaedah perkongsian.

Pemimpin korporat akan lebih banyak menumpukan masa untuk melatih, menjadi mentor dan berkomunikasi dengan semua kakitangan secara peribadi. Ini akan menentukan kejayaan perniagaannya di dalam jangka panjang.

Kehidupan yang maya (‘virtual’) akan secara cepat meresap ke dalam masyarakat. Semuanya akan wujud di dalam bentuk virtual. Ini telah dimulakan di dalam bidang pendidikan di mana institusi pengajian maya kini menawarkan program pengajian yang mengarah kepada ijazah sehingga ke tahap doktor falsafah. Di dalam sektor perubatan doktor maya juga sudah mula diperkenalkan melalui konsep ‘telemedicine’ menggunakan sistem internet untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Kaedah ‘artificial intelligence’ akan digunakan secara meluas untuk membolehkan pesakit membuat ‘diagnosis’ penyakit sendiri dan mendapatkan ‘prescription’ bagi penyakit yang mudah seperti selsema, ‘ulser’ di mulut, demam dan lain-lain. Di dalam perkhidmatan kerajaan juga kaedah ‘electronic-government’ sudah mula diperkenalkan. Ini akan mengurangkan keperluan kaunter perkhidmatan untuk perkhidmatan seperti membayar lesen, membaharui lesen dan pasport dan lain-lain lagi kaedah pembayaran kepada badan kerajaan.

Di dalam kehidupan, sistem maya akan menyerang kehidupan sehingga sedikit demi sedikit keperluan pemilikan fizikal akan berkurang. Keperluan memiliki rumah secara fizikal misalnya akan bertukar menjadi pemilikan maya di dalam bentuk kad hak menduduki rumah (sama seperti smart card lain). Ia membolehkan sesebuah keluarga menduduki mana-mana sahaja rumah di mana-mana sahaja tempat di dunia ini yang menjadi ahli kepada kelab keahlian rumah. Konsepnya samalah seperti kaedah 'time sharing' untuk program percutian. Ini menjadikan setiap keluarga lebih 'mobile' dan berupaya bergerak di serata dunia tanpa merasa kesulitan di dalam hidup. Keperluan kenderaan fizikal juga akan berubah. Daripada memiliki beberapa buah kereta - Mercedes, BMW, Jaguar - setiap keluarga hanya memerlukan sekeping 'smart card' hak memandu kenderaan yang boleh digunakan di mana-mana sahaja di dalam dunia untuk tempoh pemilikan yang dimiliki di dalam kad tersebut, bahkan keperluan pakaian yang tertentu seperti pakaian musim sejuk, taxedo dan pakaian pengantin misalnya tidak perlu wujud lagi secara fizikal. Setiap keluarga hanya perlu memiliki 'smart card' bagi membolehkan mereka mendapatkan pakaian yang tertentu di tempat yang tertentu bila diperlukan.

Industri perkhidmatan juga akan berubah di mana restoran dan kedai perkhidmatan peribadi tidak perlu wujud lagi secara fizikal. Ia akan diganti dengan perkhidmatan terus dari rumah kerumah dan dari individu ke individu. Bayangkan sebuah keluarga menempah meja makan di restoran masakan Thai. Pengusaha restoran akan bertanya dimanakah keluarga ini hendak makan? - di taman bunga, di tepi tasek, di halaman rumah atau pun di meja makan di rumahnya. Mereka kemudian akan datang dengan pelayan dan tukang masaknya yang akan memasak sambil keluarga tersebut menjamu selera dengan cukup selesa.

Demikianlah ramalan perkembangan ekonomi di abad hadapan yang akan mendarat. Semua ini mewujudkan peluang dan ancaman. Bagi peniaga yang sedia ada gambaran di atas perlu digunakan sebagai asas untuk mewujudkan strategi - atau peta panduan arah bagi terus membangun dengan pesat menghadapi abad akan datang ini. Bagi bakal usahawan, gambaran di atas perlu digunakan untuk merancang apakah jenis perniagaan yang akan diceburi dan bagaimana bersedia menghadapi cabaran alam perniagaan abad dua puluh satu ini. Bagi badan seperti universiti dan institusi awam, gambaran di atas perlu digunakan sebagai asas untuk mengorak langkah menyediakan rancangan sepuluh tahun pembangunan institusi bagi menghadapi abad dua puluh satu yang dianggap amat berbeza dengan abad sebelumnya.

#### PERWUJUDAN KUMPULAN BARU PEMACU ABAD 21 - INDIVIDU BERDAULAT

Kesan dari arah perkembangan yang pesat di dalam bidang teknologi maklumat telah mengilhamkan James Dale Davidson dan Lord Rees-Mogg untuk menggariskan beberapa perubahan besar di dalam kehidupan manusia yang mungkin berlaku di abad 21 nanti. Berasaskan pada ramalan Prof. Guy Bois di dalam bukunya 'The transformation of the year one thousand', mereka menekankan konsep 'individu yang berdaulat' (sovereign individual) - sebagai bintang baru yang akan menggantikan kumpulan peniaga bersaiz sederhana. Kumpulan individu yang akan bekerja sendiri ini akan menguasai pasaran dan ekonomi serta akan

menentukan hala tuju ekonomi. Perkembangan konsep ‘pemasaran berbilang tingkat’ misalnya telah mewujudkan satu struktur dan strata baru di dalam masyarakat perdagangan yang mengubah paradigma perniagaan.

Konsep pokok yang ditonjolkan di sini ialah usaha mewujudkan ‘sovereign individual’ (individu berdaulat) sebagai matlamat. Jika kita dapat menjadikan sebahagian besar keluarga di negara ini sebagai ‘keluarga yang berdikari’ berasaskan paradigma baru kerjaya, ia pasti akan mewujudkan kumpulan yang cukup cemerlang yang berupaya menjadi pemacu perwujudan kelas menengah baru yang tulin. Keluarga berdikari di sini didefinisikan sebagai keluarga yang tidak bekerja dengan orang lain sebagai kakitangan atau tidak mengharapkan gaji untuk hidup. Keluarga ini bagaimana pun masih terus bergiat di dalam ekonomi menawarkan perkhidmatan dan kepakaran kepada ‘majikan’ sama ada syarikat, badan kerajaan atau individu lain. Hubungan mereka dengan ‘majikan’ bagaimanapun adalah tidak lebih dari hubungan antara ‘pembekal dengan pelanggan’. Mereka akan menjadi pembekal sama ada perkhidmatan, barang atau pun kepakaran. Pelanggan mereka adalah amat meluas meliputi semua peringkat masyarakat, institusi dan syarikat.

Perwujudan dunia teknologi maklumat yang cukup maju berkembang membolehkan keluarga ini sebenarnya beroperasi dari rumah mereka menggunakan konsep ‘SOHO’ (Small office - home office). Rumah akan menjadi pejabat yang penting dan berkesan dengan wujudnya sistem maklumat yang canggih membolehkan komunikasi berkesan dilakukan melalui sistem internet, web-page, telefon, fax dan video conferencing. Zaman pejabat yang besar dan jauh dari rumah telah lusuh sedikit demi sedikit disebabkan terlalu banyak kelemahannya. Ini diganti oleh sistem pejabat yang lebih cekap yang dapat beroperasi 24 jam sehari bagi mengambil kira urusan perniagaan secara global yang perlu dikendalikan secara berterusan di sepanjang hari.

Konsep ‘pekerjaan’ juga secara beransur telah berubah. Dari konsep bekerja dengan satu majikan yang khusus dan menumpukan sepenuh masa tugas dengan seorang majikan, ia akan berubah menjadi hubungan ‘perunding’ dengan ‘pelanggan’ di mana majikan yang asal akan menjadi pelanggan tetap. Namun pelanggan tidak perlu menggaji ‘perunding’ ini secara sepenuh masa di sepanjang hari, minggu dan bulan. Mereka akan hanya membayar upah keatas kerja yang ditempah dan dilakukan oleh para pembekal perkhidmatan. Perunding menjadi bebas pula untuk mencari pelanggan lain bagi menggunakan masa dan kapasitinya dengan sepenuhnya di sepanjang hari, minggu dan bulan. Ini membolehkan kaedah kerja dari rumah dilakukan. Bayangkan seorang perunding yang akan menyediakan kertas projek atau kertas laporan dan kemudian menghantar kertas tersebut melalui e-mail kepada pelanggannya untuk disemak dan digunakan tanpa memerlukan pergerakan fizikal perunding, pelanggan atau dokumen.

Perkembangan ini bukan sahaja terhad kepada perkhidmatan. Malah urusniaga jualbeli dan perdaganganpun akan dilaksanakan melalui sistem internet dengan cukup berkesan. Seorang peniaga tidak perlu berganjak dari depan komputernya di rumahnya untuk berurusnaga - membeli barang bekalan dan terus menjualnya kepada pelanggannya pula.



Pergerakan fizikal barang-barang akan dilaksanakan oleh kumpulan professional lain yang khusus membuat penghantaran dari rumah ke rumah. Jadi konsep kedai, pusat beli- belah, pusat perdagangan juga akan berubah dari penekanan kepada asas perwujudan fizikalnya menjadi 'virtual' dan wujud hanya di dalam bentuk 'web-page' dan sistem internet. Ini menjadikan rumah sebagai pejabat dan premis yang paling ideal untuk melaksanakan urusnaga perniagaan tidak mengira saiz perniagaan yang di jalankan.

## CADANGAN USAHA MENYEDIAKAN BAKAL SISWAZAH MENGHADAPI ABAD 21 YANG MENCABAR

### PROGRAM PERWUJUDAN USAHAWAN ALAF BARU

Usahawan alaf baru adalah kumpulan usahawan yang lebih tahan lasak, berdaya maju dan berwawasan jauh kehadapan. Kumpulan usahawan ini perlu mempunyai sikap dan sifat yang cukup positif dan berkesan, berfikiran cukup kreatif dan berupaya melihat dirinya sebagai peniaga antarabangsa. Mereka perlu mempunyai pemikiran yang meluas dan bersemangat untuk bertanding di peringkat global.

Fokus program perwujudan usahawan alaf baru mestilah untuk memupuk bakat, sikap dan pemikiran yang cukup positif dan berkesan untuk bertanding di dalam pasaran global. Sikap dan sifat dengan sendinnya akan terpupuk dari asas pemikiran. Asas pemikiran kreatif perlulah menjadi asas pertama program pembangunan usahawan. Ia akan menolong membuka minda dan membolehkan setiap bakal usahawan melangkah maju untuk membuat perubahan paradigma. Perubahan paradigma akan menjadi langkah yang penting untuk membolehkan bakal usahawan menyediakan diri kepada satu persekitaran yang dianggap baru.

Sebaik sahaja pemikiran telah berubah dari logik yang kaku kepada logik cair yang fleksibel, bakal usahawan ini kini akan bersedia menerima apa juga pembaharuan malah akan menjadi proaktif untuk membuat perubahan sebagai satu budaya dan cara hidup. Ini dengan sendinnya akan mengubah sikap dan sifat mereka menjadi seorang yang sangat proaktif dan berwawasan.

### PROGRAM PEMUPUKAN SIKAP DAN PEMIKIRAN USAHAWAN

Beberapa program khusus menumpukan kepada minda dan pemikiran perlu dijadikan asas di dalam usaha mewujudkan kumpulan usahawan baru abad 21.

#### PROGRAM PEMUPUKAN PEMIKIRAN KREATIF DAN REKACIPTA

Program ini perlu dimulakan di sekolah dan diteruskan sebagai satu mata pelajaran khusus sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Program ini boleh dijadikan asas kursus integrasi yang cuba untuk mengembeling dan mengamalkan ilmu dan disiplin khusus di dalam bidang pengajian tertentu para pelajar. Program pemupukan minda ini perlu juga diperkenalkan kepada setiap peniaga kecil dan sederhana mahupun kepada tokoh korporat sebagai satu cara membuka minda mereka untuk membolehkan mereka membuat perubahan paradigma di dalam perniagaan mereka. Kerana semuanya bermula dari minda, InsyaAllah perubahan minda ini akan menjadikan peniaga dan usahawan yang sedia ada lebih terbuka, pro-aktif dan terkehadapan. Matlamat jangka panjang program ini ialah untuk menyemarakkan perkembangan K-Economy i.e. ekonomi yang berdasarkan pada idea baru dan reka cipta. Setiap peniaga dan usahawan perlulah menjadi pereka cipta idea baru untuk perniagaannya. Mereka juga akan mewujudkan suasana dan persekitaran di dalam perniagaan mereka yang mengalakkan pertumbuhan idea. Asasnya ialah setiap masa mereka perlu memikirkan perubahan yang positif kerana setiap perubahan yang positif didefinisikan sebagai perubahan teknologi. Teknologi akan sentiasa dilihat sebagai pemacu perkembangan perniagaan tidak kira berapa kecil fungsinya.

#### PROGRAM PEMUPUKAN SIKAP DAN SIFAT POSITIF USAHAWAN

Usahawan dan peniaga hari ini mempunyai banyak masalah tentang sikap. Mereka perlu dipupuk untuk menjadi lebih positif dan tidak bergantung pada orang lain untuk hidup dan membangun. Sikap dan sifat peniaga Islam perlu dijadikan model di dalam hidup setiap peniaga dan usahawan. Asas Tauhid perlu dijadikan teras di dalam hidup. Jika setiap peniaga dan usahawan boleh melihat peranan mereka sebagai khalifah dan pemegang amanah, mereka akan melakukan segalanya sebagai usaha di dalam proses pengabdian kepada Allah S.W.T., insyaAllah. Ini akan menjadikan mereka amat positif dan mempunyai niat yang luhur dan murni di dalam semua bidang usaha. Ini akan menjadikan setiap mereka para usahawan mujahid. Program penerapan nilai Islam yang murni ini perlu dilaksanakan seiring dengan program pembangunan minda di atas. Ia perlu dilaksanakan untuk bakal usahawan dari bangku sekolah dan kepada usahawan dan peniaga yang sedia ada. InsyaAllah jika program ini berjaya dilaksanakan, bukan sahaja kita akan mempunyai masyarakat peniaga yang cukup positif, malah kita tidak akan memerlukan lagi set etika perniagaan yang selalu digembar-gemburkan sebagai penyelesaian kepada masalah perniagaan hari ini.

#### PROGRAM PERWUJUDAN GOLONGAN ‘SOVEREIGN INDIVIDUAL’

Program perwujudan individu yang berdikari ini memerlukan beberapa strategi pokok yang berkesan.

##### **i. Program pendidikan yang berkesan dan inovatif**

Program ini juga memerlukan satu pelaburan asas yang sangat penting iaitu di dalam pendedahan sistem teknologi maklumat yang sangat pesat membangun. Satu program perlu diwujudkan bagi menyediakan peluang yang cukup luas tersebar kepada semua keluarga untuk terdedah dengan secukupnya di dalam bidang teknologi maklumat. Ini bukanlah terhad kepada pembelajaran

komputer dan kaedah melayar di dalam internet. Ia perlu meliputi program aplikasi teknologi maklumat di dalam kehidupan, kerjaya dan perniagaan. Ini memerlukan satu program yang menyeluruh dan mendalam di dalam bidang teknologi maklumat ini digubal dan disampaikan melalui sistem pendidikan yang sangat cekap dan berkesan.

Perwujudan kolej komuniti di setiap daerah perlu diiadakan sebagai satu matlamat penting di dalam usaha mewujudkan kumpulan individu berdaulat. Kolej komuniti akan menjadi wadah yang amat penting kerana melaluinya kita dapat menyalurkan program pendidikan kepada semua lapisan penduduk dari remaja, belia, suri rumah, ketua keluarga sehingga kepada golongan dewasa. Ini mewujudkan satu petuang yang terbuka luas untuk setiap ahli di dalam - keluarga bagi memantapkan ilmu mereka melalui program kolej komuniti ini. Kolej komuniti ini perlulah cukup inovatif di datam mengorak kurikulum dan kaedah pengajarannya. Kurikulumnya mestilah memusatkan perhatian kepada usaha memupuk ilmu kehidupan yang membolehkan ia dilaksanakan sebagai projek ekonomi dan projek mencari sara hidup. Ia kemudiannya diikuti dengan program lanjutan bagi mengembangkan kemahiran untuk membolehkan semua ahli keluarga membangun kerjaya sendiri mengikut kadar kepentasan masing-masing.

Di datam bidang teknologi maklumat misalnya, program kolej komuniti ini pertulah mengajar dari asas cara menggunakan komputer, cara berinteraksi melalui sistem internet, cara mendapatkan maklumat dari sistem internet, cara mewujudkan ‘laman web’ sendiri untuk diri, keluarga dan perniagaan. Ia kemudian meliputi aspek pengurusan perniagaan dan pemasaran melalui sistem internet. Kaedah pembelajaran perlulah semudah mungkin dan fleksibel sehingga peserta boleh mengikuti program dari rumah, di waktu yang sesuai dengannya dan pada tahap serta kadar kepesatan yang mampu diikutinya.

Kolej komuniti akan menjadi rujukan pokok kepada setiap ahli keluarga di datam usaha memasuki bidang kerjaya dan di dalam usaha mewujudkan aktiviti ekonomi bagi menampung kehidupan keluarga. Jika konsep kolej komuniti ini dapat dihayati dengan cukup berkesan, ia akan mengurangkan tekanan berkaitan dengan keperluan pergi ke institusi pengajian tinggi di dalam usaha mencari ilmu dan mendapatkan kelayakan profesional sebelum memulakan kerjaya hidup. Ia akan mengubah paradigma pemikiran dan cara hidup orang Melayu berkaitan dengan pendidikan. Pendidikan bukan lagi bermakna melanjutkan pengajian dan mengumpul ijazah sehingga ke tahap PhD. Pendidikan bermakna menyediakan diri bagi menghadapi kehidupan mendatang yang sangat mencabar. Pendidikan zaman hadapan perlu berupaya menyediakan semua ahli keluarga untuk menerokai kehidupan yang mencabar ini. Program pendidikan gaya baru ini memerlukan sumbangan pakar dan kumpulan yang berpengalaman di dalam bidang-bidang yang khusus yang bersedia berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dengan masyarakat.

## **ii. Kurikulum ‘keusahawanan’ di dalam pengajian sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi**

Pendidikan di sekolah dan institusi pengajian tinggi adalah terlalu 'ideal' dan 'compartmentalised' sehingga graduan dan sekolah dan institusi pengajian tinggi yang baru memasuki sektor pekerjaan tidak berupaya mengamalkan ilmu yang banyak yang telah mereka pelajari. Mereka terpaksa terkais-kais mempelajari 'ilmu baru' dan pengalaman rakan sekerja atau ketua mereka. Walaupun mereka dianggap berilmu namun mereka dilihat sangat mentah di dalam berfikir dan tindak tanduk mereka.

Apa yang diperlukan ialah satu disiplin yang dapat menggembelingkan kesemua ilmu yang mereka telah pelajari dengan situasi pekerjaan atau perniagaan sebenar. Disiplin seperti keusahawanan atau jika tidak mahu menggunakan sebutan 'keusahawanan' boleh disebut sebagai 'disiplin berdikari' boleh menjadi satu disiplin yang amat penting. Ia boleh diolah sedemikian rupa untuk menjurus minat pelajar bagi mencari punca pendapatan sendiri daripada bergantung kepada sektor pekerjaan - dengan badan kerajaan atau sektor swasta. Menggunakan kurikulum 'kreativiti dan inovasi', pelajar harus dijuruskan pemikiran mereka untuk mewujudkan peluang untuk mencari sumber pendapatan sendiri melalui idea dan gabungan ilmu serta kepakaran mereka.

Jika usaha ini dapat dilaksanakan, InsyaAllah, setiap pelajar akan melihat dunia luar sebagai sesuatu yang dekat dan nyata dan berupaya terus mengaitkan ilmu yang sedang mereka pelajari dengan potensi kehidupan masa hadapan. Mereka akan lebih bersedia untuk mengenal pasti peiuang yang dikaitkan dengan minat serta kebolehan mereka untuk dikaitkan dengan kemungkinan kerjaya mereka di masa hadapan.

Sebenarnya kurikulum 'hidup berdikari' ini boleh diserapkan melalui aktiviti ko-kurikulum sama seperti aktiviti di dalam pertubuhan pengakap, pandu puteri ataupun kadet. Bezanya di sini ialah aktivitinya akan menjurus kepada usaha menggunakan minda bagi mencari peluang perniagaan atau aktiviti ekonomi yang boleh dimulakan serta merta semasa pelajar masih di bangku sekolah atau sedang mengikuti pengajian tinggi. Mereka akan diberikan ruang dan galakan bagi memulakan usaha mengembangkan diri mereka untuk menyediakan diri bagi menjalani kehidupan sebenar selepas tamat pengajian nanti.

Dengan bantuan program di kolej komuniti, pelajar ini boleh memperoleh kemahiran dan kepakaran khusus didalam bidang pilihannya dengan mengikuti program sampingan di kolej komuniti di atas. Pokoknya kita akan memupuk para pelajar untuk belajar berdikari mencari peluang perniagaan, mencari kemahiran dan memulakan projek pilot perniagaan sendiri sejak awal lagi.

### iii. Program pemupukan semangat berdikari di kalangan generasi muda

Satu program jangka panjang yang mensasarkan golongan muda dari kumpulan pelajar sekolah rendah dan menengah perlulah diwujudkan bagi memupuk semangat dan bakat untuk hidup berdikari. Para pelajar perlu dipupuk kepentingan menjadikan 'hidup berdikari' sebagai

matlamat kerjaya mereka daripada menjadikan matlamat untuk memasuki bidang pekerjaan sebagai kerjaya mereka. Hidup berdikari boleh meliputi cara hidup daripada menjadi ahli profesional, menjadi usahawan maupun menjalankan aktiviti ekonomi sendiri seperti bertani dan menawarkan perkhidmatan khusus kepada pelanggan.

Mengambil perkembangan sistem komunikasi dan urusniaga melalui internet sebagai asas, para pelajar perlulah didedahkan dengan sebanyak mungkin peluang hidup dengan cara berdikari. Mereka perlu digalakkan untuk mengenal pasti bidang kemahiran yang mereka minati yang boleh dikembangkan dan dikaitkan dengan perkembangan sistem internet di dalam usaha mewujudkan satu peluang mencari sumber hidup yang lumayan tanpa bergantung kepada sektor pekerjaan. Ini memerlukan banyak aktiviti ko-kurikulum yang boleh disalurkan melalui program pendidikan umum yang dikendalikan melalui sistem internet dengan bimbingan panel pakar ‘kaunselor’ yang cukup berkesan. Ini boleh dikendalikan melalui kolej komuniti yang dibincangkan terdahulu.

## **IMPLIKASI PERKEMBANGAN PERSEKITARAN DI ABAD 21 TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN UMUM DI UNIVERSITI**

Melihat perkembangan cara hidup, penekanan sektor ekonomi, penekanan kemahiran dan disiplin kehidupan serta perkembangan sistem pendidikan di dalam menanggani perubahan ini, Pusat Pengajian Umum di universiti tempatan perlulah bersikap pro-aktif di dalam mewujudkan wawasannya yang tersendiri di dalam proses menyumbang terhadap program penyediaan bakal siswazah yang mantap dan bersedia menghadapi abad 21 yang mencabar ini.

### **1. Pusat Pengajian Umum sebagai pusat integrasi ilmu**

Pusat Pengajian Umum perlu melihat peranan mereka sebagai ‘institusi penamatan pengajian’ (Finishing school). Pusat Pengajian Umum akan cuba mengembeling ilmu yang telah diikuti oleh setiap bakal siswazah untuk membolehkan mereka mengintegrasikan ilmu dan menyesuaikannya ke dalam praktik kehidupan selepas mereka keluar dari pusat pengajian tinggi. Untuk mengintegrasikan ilmu, Pusat Pengajian Umum perlulah mengaitkan pendidikan kepada cara hidup, disiplin hidup dan profesyen kehidupan. Sebagai pusat ‘penamatan pengajian’, Pusat Pengajian Umum perlulah secara pro-aktif dan berani mengemukakan ilmu dan kemahiran yang dianggap bukan akademik tetapi, dibuktikan penting untuk masa depan bakal siswazah. Ini boleh meliputi ilmu kehidupan dari kemahiran hidup berdikari seperti memasak, mengurus kewangan diri, mengurus keluarga, berpakaian yang teratur dan sesuai, kaedah bergaul, kaedah berkomunikasi dan berinteraksi, aturan makan dan majlis resmi, kaedah menghias ruang, kaedah menjaga kesihatan dan pemakanan dan lain-lain lagi kemahiran hidup yang asas.

### **2. Menggunakan Islam sebagai teras di dalam pendidikan untuk cara hidup**

Oleh kerana Islam telah diakui sebagai cara hidup yang unggul dan murni, ia boleh dijadikan tunggak di dalam memupuk dan mengaitkan disiplin pengajian dengan cara hidup. Usaha perlulah dilakukan untuk mengaitkan setiap aspek ilmu tidak mengira sama ada ia adalah sains, matematik, sains sosial, perniagaan, perakaunan, undang undang, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain disiplin pengajian dengan Islam sebagai cara hidup. Jika ini boleh dilaksanakan, ia akan menjadikan setiap ilmu itu dengan sendirinya dilihat amat berkait dan relevan dengan kehidupan seharian dan di dalam proses pengabdian kepada Allah S.W.T.

### **3. Menggunakan disiplin kehidupan baru abad 21 sebagai asas mengembeling ilmu**

Sepertimana yang dibentangkan di atas, pada abad 21 ini beberapa disiplin kehidupan asas yang akan menonjol ialah konsep baru usahawan sebagai pewujud nilai tambah, konsep individu berdaulat sebagai kumpulan baru mengganti kelas menengah melayu dan hasil dari itu kumpulan keluarga berdikari sebagai kumpulan masyarakat penting di abad 21. Program di dalam Pusat Pengajian Umum perlulah menekankan ketiga-tiga kumpulan ini iaitu ‘usahaawan’, ‘individu berdaulat’ dan ‘keluarga berdikari’ sebagai asas mengintegrasikan ilmu. Disiplin pengajian yang telah diikuti oleh setiap bakal siswazah perlulah digembeling dan diintegrasikan dengan melihatnya dan mengadaptasinya dari perspektif ketiga ‘makhluk baru’ di atas iaitu ‘usahaawan abad 21’, ‘individu berdaulat’ dan ‘keluarga berdikari’ ini.

### **4. Pusat Pengajian Umum sebagai institusi ‘pembelajaran semula’ (*re-learning centre*)**

Banyak perkara yang diajar di dalam sistem pendidikan di awal peringkat pendidikan sehingga di pusat pengajian tinggi kadangkala membelakangkan ‘realiti kehidupan sebenar’. Ini terpaksa dilakukan untuk memudahkan proses pembelajaran dan proses pemindahan ilmu. Ilmu yang telah dipetakan dan dikhurasukan menjadi mudah dilihat dan dihayati. Bagaimana pun proses pemudahan yang keterlaluan ini kadangkala menjadikan ia tidak realistik di dunia nyata

Pusat Pengajian Umum perlu memainkan peranan penting untuk membawa semula para pelajar ke dunia nyata dengan memecahkan satu demi satu andaian ‘ceterus peribus’ dan andaian ‘ilmu yang berpetak’ yang sudah kukuh di dalam pemikiran para bakal siswazah. Proses ini mungkin akan mengelirukan para bakal siswazah pada awalnya namun akan menjadi satu orientasi penting kepada mereka yang memasuki alam pekerjaan sebenar. Proses ini boleh dilaksanakan dengan mudah menggunakan ahli profesional dari sektor awam dan swasta untuk menyumbangkan kuliah-kuliah bagi membawa bakal siswazah ke alam pekerjaan sebelum mereka mengalaminya sendiri kemudian.

### **5. Pusat Pengajian Umum sebagai pusat kecemerlangan pemikiran kreatif sebagai persediaan K-Economy**

Para bakal siswazah perlu ditonjolkan mengenai kepentingan idea sebagai sumber ekonomi utama dan kepentingan penggunaan pemikiran kreatif sebagai asas penjanaan idea baru. Konsep ekonomi berteraskan teknologi perlu ditekankan. Konsep teknologi yang didefinisikan sebagai apa juga perubahan dan pembaharuan positif perlu dijelaskan. Setiap bakal siswazah perlulah dipupuk untuk melihat setiap orang tidak mengira umur, jawatan atau kedudukan sebagai sumber idea. Mereka perlulah djjadikan pemangkin untuk memupuk kemahiran menjana idea di kalangan semua peringkat masyarakat dari kanak kanak kecil, surirumah, kakitangan dan sahabat handai.

Kumpulan bakal siswazah perlulah dipupuk untuk menjadi pengamal pemikiran kreatif untuk kemudian memindahkan ilmu pemikiran kreatif ini kepada seberapa ramai kumpulan masyarakat, semasa mereka menjalani kehidupan setepas tamat pengajian. Mereka akan menjadi pemangkin utama K-Economy dan akan menyemarakkan budaya menyumbang idea sebagai cara hidup.

## RUMUSAN

Kertas kerja di atas agak ‘ambitious’ di dalam skop meliputi bukan sahaja harapan sektor swasta di dalam definisi semasa yang sempit tetapi meliputi harapan masyarakat dan negara terhadap Pusat Pengajian Umum di institusi pengajian tinggi. Daripada hanya menggariskan harapan mi, penulis telah memberikan dahulu scenario yang dilunjurkan bagi merasionalisasikan keperluan dan harapan ini. Cadangan yang dikemukakan di atas tidaklah menyeluruh atau ‘exhaustive’. Ia hanyalah sebagai pembuka minda dan berfungsi untuk memprovokasikan minda kita bagi memaksa kita menyelami keperluan graduan abad 21 dan persediaan yang diperlukan dan sepatutnya di tumpung oteh Pusat Pengajian Umum dengan lebih mendalam.

## RUJUKAN

- Audit Ghazali dan Sarimah Radzi. 1997. *Bangsa Melayu Dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau*. INMIND
- Audit Ghazali, Sarimah Radzi. 1997. *Bangsa Melayu Dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau*. Institut Pekembangan Minda.
- Ainon & Abdullah. 1994. *Pemikiran Reka Cipta*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon & Abdullah. 1994. *Teknik Berfikir*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd. Abdullah Hassan. 1996. *Belajar Berfikir teknik menajamkan daya fikir*. Utusan Publications & Distributors Sdn bhd. dan PTS Consultants Sdn Bhd.
- Ainon Mohd., Abdullan Hassan. 1996. *Kepintaran Daya Cipta & Kemahiran Berfikir*. Utusan Publications
- Ainon Mohd., Abdullah Hassan. 1997. *Memahami Psikologi Berfikir*. Utusan Publications,
- Ainon Mohd., Abdullah Hassan. 1997. *Motivasi Belajar Berfikir*. Utusan Publications.
- Alan Barker. *Creativity For managers*. 1996. Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Alvin Toffler. *Previews & Premises*. 1984, South End Press

Barker, Joel. *Paradigm*. 1994, Pelican.

Barjoyai Bardai dan Mohd Fairuz Md. Salleh. 1998. *Strategi Pelaburan*. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Barjoyai Bardai, Mohd Fairuz Md. Salleh. 1998. *Peluang Perniagaan*. Utusan Publications,

Barjoyai Bardai. *Keusahawanan dan Perniagaan - Buku 1*, 2000, Dewan Bahasa dan Pustaka

Barjoyai Bardai. *Keusahawanan dan Perniagaan - Buku 2*, 2000. Dewan Bahasa dan Pustaka

Barry and Linda Gale. 1982. *Discover What You're Best At*., Fireside.

## BIBLIOGRAFI

Bill Gates. 1995. *The Road Ahead. Completely revised and up to date*. Penguin Group.

Bois, Guy. 1995. *The Transformation Of The Year One Thousand*. Penguin.

Bradley C. McRae. 1988. *Guide To Effective Time Management*. International Self Counsel Press Ltd.

Catherine England and Thomas Huertas. 1987. *The Finance Services Revolution* by the Cato Institute

Chin-Ning Chu. 1988. *The Asian Mind came - unlocking Of The Asian - Business culture - A westerners survival Manual*. Rawson Associates.

Craig R. Hickman and Michael A. Silva. 1988. *The Future 500- Creating Tomorrows organizations Today*. Unwin Hyman.

David Dickson. 1974. *Alternative Technology and the Politics of Technical Change*, Fontana.

Diane Deacon. 2995. *Think out Of The Box*. Advantage Quest Publications.

Donald Norfolk, *think Well, Feel Great*. 1990, Penguin Group.

Douglas McGregor. *The Human Side of Enterprise*. McGraw-Hill Book Company

Dr. Paul Kircher and Dr. Richard o. Mason. 1975. *Introduction to Enterprise – A System Approach*. Melville Publishing Company.

Dr. R. Henry Migliore. 1992. *Common -sense Management*. S. Abdul Maied & Co..

Dr. Ravi Batra. 1987. *The Great Depression of 1990*. Dell Publishing.

Dr. Sohei Hibi. 1977. *How To Measure Maintenance Performance*. Nordica International Ltd.

E.G. Docker. 1965. *Simply Human Beings*. Angus & Roberston Ltd.

E.J. Mishan. 1971. *21 Popular Economic Fallacies*. Pelican Books.

Edward De Bono. 1979. *Future Positive*. Pelican Books.

Edward De Bono. 1970. *Lateral Thinking*. Harper & Row Publishers,

Edward De Bono. 1985. *Practical Thinking*. Pelican Books.,

Edward De Bono. 1993. *Serious Creativity*. Harper Collins Publishers.

Edward De Bono. 1972. *Children Solve Problems*. Penguin Books.

Edward De Bono. 1988. *Letters to Thinkers*. Penguin Books.

Edward De Bono. 1994. *Parallel Thinking*. Penguin Books.

Edward De Bono. 1991. *Six Action Shoes*. Fontana.

Edward De Bono. 1985. *Tactics - The Art and Science of success*. William Collins Sons and Co. Ltd.

Edward De Bono. 1967. *The 5 Day Course In Thinking*. Brightype litho.

Edward De Bono. 1967. *The 5-Day course in Thinking*. Basic Books.

Edward De Bono. 1967. *The Use of Lateral Thinking*. Pelican Books.

Edward De Bono. 1978. *Opportunities*. Pelican Books.

Edward De Bono. 1992. *Six Action Shoes*. Abrilliant new way to take control of any business or life situation by Harper CollinsPublishers .

Edward De Bono. 1976. *Teaching Thinking*. Maurice Temple Smith Ltd.

Edward De Bono's. 1990. *Master thinker'S Handbook*. Aguide to Innovative Thinking. Penguin Books.

Eric Webster. 1967. *How to get the better of business*. Great Britain.

F.H. George. 1970. *Cybernetics in Management* an Books Ltd.

Garry Fellers. 1997. *Creativity For Leaders*. Syarikat First Agency Publishing (M) Sdn. Bhd,

George J. Mate. 1991. *Managing Your Money - A Lifetime Strategy for Financial Independence*. Golden Books Centre Sdn. Bhd.

- Gifford Pinchot III. 1986. *Intrapreneuring*. Harper and Row Publishers.
- Godfrey Golzen. 1975. *Working For Yourself*. Kogan Page Ltd.
- Gower Press Ltd.
- Gregory I. Kravitt. 1993. *Creating a Winning Business Plan - A No Time for Nonsense Guide to starting a Business and Raising CASH*. Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- H.J. Eysenck and Glenn Wilson. 1975. *Know Your own Personality*. Maurice Temple Smith
- H.J. Eysenck. 1966. *Check Your own I.Q.* Penguin Books
- Hamish McRae. 1994. *The world in 2020*. HarperCollins Publishers
- Harvey Mackay. 1988. *Swim With The Sharks Without Being Eaten Live*. Ivy Books Business
- Hasan Langgulung. 1991. *Kreativiti Dan Pendidikan - Suatu Kajian Psikologi dan Falsafah*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ian Griffiths. 1986. *Creative Accounting*. Great Britain By Waterstone And Co Ltd
- J. Christopher Jones. 1970. *Design Methods seeds of human futures*. John Wiley & Sons Ltd. Library of congress catalog card no. 77-122344.
- J. Paul Getty. 1983. *Bagaimana menjadi kaya*. Cetakan pertama Edisi Bahasa Malaysia: Pencetak Polygraphic Press Sdn Bhd.
- JAC. Brown. 1963. *Techniques of Persuasion*. Penguin Books Ltd.
- J.E Everett. 1984. A.R Krishnan, B.W. Stening. *South-East Asia Managers*. Eastern Universities Press.
- Jaafar Muhamad. 1988. *Asas Pengurusan*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jaafar Muhamad. 1993. *Asas pengurusan perniagaan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Jack H. Grossman. 1977. *Managing with Wisdom*. Syarikat First Agency Publishing (M) Sdn. Bhd.
- James M. Higgins. 1995. *101 Creative Problem Solving Techniques* S. Abdul Majed & Co.
- James R. Evans. 1991. *Creative Thinking*. South-Western Publishing Co.
- John Adair. 1996. *Effective Innovation*. Pan Books Limited.
- John H. Watson MD. 197S. *Seven-Per-cent Solution*. Ballantine Books.
- John Kao. 1996. *Jamming*. Harper Collins Publishers.
- John Kao. 1997. *The Art & Discipline of Business creativity*. Harper Collins Business
- John Naisbitt. 1984. *MegaTrends*. Macdonlad & Co Ltd.
- John o'Shaughnessy. 1976. *Patterns of Business Organization*. George Allen & unwin Ltd.
- Kam Chuan Aik and Stephen Edmonds. 1976. *Critical Thinking - Selected topics for discussion and analysis*. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kanichi Ohmae. 1991. *Pemikiran Ahli Strategi seni Perniagaan Jepun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karen Stabiner. 1993. *Inventing Desire*. Simon & Schuster
- Kenji Kawakami. 1997. *Unuseless Japanese Inventions*. A paperback original 1997.
- Kenji Kawakami and Dan Papia 1997.
- Kim Woo - Choong. 1992. *Kekayaan Ada Dimana-mana*. Times Edition.
- Kishu Jethanand, Yeoh Tiong Lav, Radzali Hassan, Lee Peng Joo, Lin Chua. 1992. *Malaysian Entrepreneurs*. Malaysian Institute Of Management.
- Kiyoshi Wainai. *Principles and Applications of Value Added productivity Analysis*.
- Konosuke Matsushita. 1987. *Bukan kerana periuk nasi sahaja suatu etos niaga, suatu etika pengurusan, oleh PHP Institute, Inc*. Pencetak Pertama November 1987.
- Leonard Seymour-Smith. 1984. *Making Your Meetings More Effective*. Management Update Ltd.
- M. Masatsugu. 1972. *Chara Mengendalikan Perniagaan Yang Berjaya*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- MV.C. Jeffreys. 1962. *Personal Values in the Modern world*. Penguin Books Ltd
- Macfarlane Burnet. 1973. *Genes, Dreams and Realities*. Pelican Books. Marshall Loeb. 1990. *Fortune Digest*. Oxmoor House, Inc.
- Mel cook. 1992. *Home Business Big Business*. Coolier Books.
- Michael Gilbert. 1972. *The Modern Business Enterprise*. Penguin Books Ltd.
- Michael Morgan. 1993. *Creating Workforce Innovation*. Business & Professional Publishing.
- Michio Nagai, Andre J. heiniger. 1984. *Spirit of Enterprise - The 1984 Rolex Awards*. Montres Rolex SA
- Mohd Ali Hj. Hashim. 1996. *Membujur Lalu*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Terbitan Pertama.
- Muhd Mansur Abdullah. 1998. *Komunikasi Dalam Pengurusan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mustafah Haji Daud. 1994. *Pengurusan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nathan Balakrishnan, Geoff Stecyk. 1997. *Wise Moves to Retirement*. Southern Unit Trust.
- Paul H. Rubin. 1990. *Managing Business Transactions*. The Free Press.
- Peter Donaldson. 1982. *10x Economics*. Penguin Books.
- Peter Elden. 1982. *The Millionaire's Handbook*. Fontana Paperbacks.
- Peter F. Drucker. 1981. *Management*. Pansusines Management.
- Peter F. Drucker. 1974. *Management - Tasks, Responsibilities, Practices*. William Heinemann Ltd.
- Peter F. Drucker. 1995. *Entrepreneurship*. Pan Business Management.
- Philip B. Crosby. 1979. *Quality is Free - The Art of Making Quality Certain*. McGraw- Hill.
- Philip E. Vernon 1940. *The Measurement of Abilities*. University of London Press Ltd.
- Ranjit Gill. 1985. *The Making of Malaysia Inc*. Pelanduk Publications.
- Richard Tanner Pascale, Anthony G. Athos. 1982. *The Art of Japanese Management*. Penguin Books.
- Robert H. Wilkins. 1994. *The Quality Empowered Business. Creating a "circle-4" quality system for success by* Prentice Hall, Inc.
- Robert K. Mueller. 1986. *corporate Networking - Building Channels for Information and Influence*. Free Press.
- Robert L. Dilenschneider. 1990. *Power and Influence - Mastering the Art of Persuasion*. Prentice Hall Press.
- Robert R Rothberg. 1981. *Corporate Strategy and Product Innovation*. The Free Press.
- Robert R. Blake, Jane s. Mouton. 1964. *The Managerial Grid III - The Key to Leadership Excellence*. Gulf Publishing Company, Houston.
- Roger B. Yepsen, JR. 1987. *How To Boost Your Bram Power - The Plan For Peak Intelligence Memory And creativity* Thorsons.
- Roger Cox. 1989. *Running Your own S.H.OP*. Kogan Page Ltd.,
- Ronald Shone. 1984. *creative Visualization*. Thorsons Publishers Ltd.
- Senu Abdul Rahman dan Ali Haji Ahmad. 1973. *Revolusi Mental*. Penerbitan Utusan Melayu.
- Shaharom Tm Sulaiman. 1997. *Pungurus Islam Dan Pembangunan Manusia*. Thinker's Library Sdn. Bhd, Cetakan Pertama.
- Shahreen Kamaluddin. 1992. *You Are What You Believe*. Inspirational Books. Sherpherd Mead. 1974. *HOW to Get To The Future Before It Gets To You*, Michael Joseph Ltd.
- SJ Gray and Mc McDermott. 1989. *Mega- Merger Mayhem - Takeover Strategies, Battles and Controls*. Paul Chapman Publishing Ltd.
- Stan Mason. 1986. *The Small Business Finance Raiser*. Hutchinson Business.
- Steven. Schnaars. 1989. *Megamistakes Forecasting and the Myth of Raid Technologival Change*. The Free Press.
- Stuart Crainer. 1998. *The Ultimate Business Guru Book*. Capstone Publishing Ltd.
- Suzanne Caplan. 1992. *Saving Your Business*. Prentice Hall.
- Syed Omar Syed Agil. 1996. *Kemahuan untuk Berubah*.
- T.A. Lee. 1976. *company Financial Reporting- issues and Analysis*. Thomas Nelson and Sons Ltd.
- The Price Waterhouse Change Integration Team. 1996. *The Paradox Principles*. Irwin Professional Publishing.
- Timmy Mallett. 1989. *On How to Be Utterly Brilliant*. Pan Books Ltd.
- Universiti utara Malaysia. 1997. *Keusahawaan Pendekatan Amali*. Cetakan Pertama.
- Universiti Utara Malaysia. 1997. *Pembangunan usahawan*.
- Universiti Utara Malaysia. 1996. *Proceedings International Conference on Small and Small Medium Scale Enterprises*. Cetakan Pertama.
- Vance Packard. 1957. *The Hidden Persuaders*. Longmans.
- Vincent Nolan. 1989. *The Innovator's handbook*. Sphere Books Ltd.
- W.J Taylor, T.F Watling. 1972. *Personal Finance for Managers*. Busines Book Ltd London.
- Wilfred Brown. 1960. *Exploration in Management*. Pelican Books.
- Yep Putih. 1989. *Keusahawanan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.